

Ringgit dan saham jatwh

Rakyat Malaysia perlu salahkan diri sendiri — PM

KUALA LUMPUR 10 Jan. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia perlu menyalahkan diri sendiri apabila nilai ringgit dan harga saham jatuh kerana mudah terpengaruh oleh sentimen pasaran luar negeri.

"Kita sebenarnya menjadi mangsa sikap kita sendiri. Mengapa mesti kita mengikut apa yang berlaku di pasaran Wall Street? Apabila harga di New York dan Tokyo jatuh, harga saham dan nilai matawang kita turut jatuh.

"Inilah masalahnya apabila para pelabur melabur berdasarkan sentimen tanpa mengkaji prestasi syarikat dan ekonomi negara," katanya.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera ketiga di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, ekonomi negara sekarang baik dengan

pertumbuhan pada kadar lapangan peratus setahun dan syarikat-syarikat mencatatkan keuntungan besar tetapi harga saham dan nilai ringgit jatuh.

Sebagai contoh, katanya, syarikat Cycle Carriage Berhad yang baru-baru ini mengumumkan keuntungan luar biasa yang besar tetapi harga sahamnya jatuh semata-mata kerana para pelabur mengikut aliran kejatuhan harga di New York dan Tokyo.

"Inilah yang menghairankan kerana negara lain yang ekonominya merosot tetapi harga saham dan nilai matawangnya meningkat. Amerika Syarikat sekarang menanggung hutang beribu juta dolar, prestasi industrinya tidak baik, syarikat-syarikat kapal terbang akan muflis tidak lama lagi dan banyak syarikat pengeluaran alat ketenteraannya mungkin akan ditutup.

"Bagaimanapun harga saham di New York sekarang naik semata-mata kerana sentimen mengenai jangkaan berita baik," tambahnya.

Menurut beliau, jika para pelabur tempatan melabur untuk pertumbuhan jangka panjang dan dividen selain dari mendapatkan keuntungan modal tentunya harga saham syarikat-syarikat Malaysia akan mencapai paras yang tinggi.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan memandang serius gejala kejatuhan nilai ringgit dan harga di pasaran saham tempatan ini kerana ia menyebabkan kehilangan berjuta-juta ringgit dan orang ramai kerugian tanpa sebab.

Menyentuh tentang kecenderungan beberapa negara kurang maju yang mahu menjadi model pembangunan Malaysia bagi membangun negara masing-masing sejak kebela-

kangan ini, beliau berkata, apa yang baik bagi Malaysia tidak semestinya sesuai bagi negara lain.

"Kejayaan sesuatu model pembangunan itu sebenarnya bergantung pada orang yang menguruskannya. Sebagai contoh di Russia sekarang yang mana sistem pasaran bebas tidak mendatangkan kesan kepada negara itu kerana mereka tidak mempunyai modal, kepakaran pengurusan dan pengusaha untuk menjayakannya.

"Oleh itu sesebuah negara yang mahu mengamalkan sesuatu model pembangunan perlu mengetahui dahulu bagaimana ia dijalankan," tambahnya.

Menurutnya, model pembangunan Malaysia berjaya dalam konteks Malaysia kerana 18 juta rakyatnya sudah terdedah lama kepada sistem pasaran bebas.